



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROGRAM PENDIGITALAN KOLEKSI DAN PAMERAN MAYA MUZIUM ALAM SEMULA JADI ALTERNATIF MENGHARGAI BUDAYA DAN WARISAN ALAM SEMULA JADI MERENTASI BATASAN GEOGRAFI

KUALA LUMPUR, 17 April – Jabatan Muzium Malaysia (JMM) di bawah Kementerian Perpaduan Negara hari ini secara rasmi melancarkan **Program Pendigitalan Koleksi dan Pameran Maya Muzium Alam Semula jadi**. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara di Galeri 2, Jabatan Muzium Malaysia.

Inisiatif digital ini merupakan **langkah strategik JMM dalam mengintegrasikan teknologi terkini seperti Realiti Terimbuh (AR) dan Realiti Maya (VR) ke dalam sektor permuziuman negara**. Usaha ini dilaksanakan di bawah peruntukan RMK-12 Rolling Plan 5 (RP5) yang merangkumi pembangunan pameran maya, pendigitalan koleksi, serta latihan teknikal bagi kakitangan dalaman.

Sebanyak **255 koleksi** telah berjaya didigitalkan, merangkumi **135 koleksi etnologi dan 120 koleksi alam semula jadi**. Artifak ikonik yang kini boleh diakses secara digital termasuklah **Bendera Pertama Persekutuan Tanah Melayu, Piala Bola H.M.S Malaya, Celepa Diraja Terengganu termasuklah Patung Avalokiteshvara yang merupakan Objek Warisan Kebangsaan**.

YBhg. Dato' Haslina berkata "Program pendigitalan koleksi ini juga adalah usaha Kementerian untuk membolehkan koleksi artifak khususnya yang bersifat nadir dan sensitif dilindungi, didokumen secara sistematik dan diakses secara terkawal. Ini sekaligus membantu menyeimbangkan dua (2) peranan muzium iaitu perlindungan koleksi artifak dan alam semulajadi, serta penyebaran ilmu pengetahuan kepada masyarakat dengan cekap, pantas dan berkesan."

Fasa pertama pameran ini memaparkan **120 spesimen yang dihasilkan melalui imbasan digital 3D daripada spesimen asal yang diawet**. Orang ramai boleh menikmati pengalaman ini secara fizikal melalui peralatan VR di muzium mahupun secara dalam talian melalui laman sesawang rasmi Pameran Maya Muzium Alam Semulajadi di masvirtual360.jmm.gov.my.

Sebagai tarikan utama, pameran maya ini menawarkan pengalaman imersif melalui lapan segmen utama. Ia merangkumi naratif sejarah pengumpulan spesimen sejak 1880-an, segmen kepelbagaian biodiversiti seperti mamalia dan hidupan marin, serta elemen interaktif yang membolehkan pengunjung menonton video kaedah pengawetan dan menguji kefahaman melalui kuiz.

JMM menyasarkan purata 7,500 kunjungan maya sebulan dalam tempoh satu tahun pertama pelancaran. Inisiatif ini diharap dapat menyuntik minat generasi Z dan Alpha terhadap ilmu taksonomi dan biodiversiti melalui medium digital yang lebih dekat dengan jiwa mereka.

Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Perpaduan Negara
17 April 2026
JMM.100-9/1/7 (29)